

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL DAN PENUTUP KURSUS PENYELIA KANAN (KPK) SIRI 227/19

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4512-majlis-penyampaian-sijil-dan-penutup-kursus-penyelia-kanan-kpk-siri-227-19

SUBANG, 14 Feb 19 - Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup Kursus Penyelia Kanan (KPK) Siri 227/19 telah disempurnakan oleh Pengarah Pembangunan Sumber Manusia, Kol Ghazali bin Yayah TUDM bertempat di Dewan Pahlawan Institut Pengajian Pentadbiran dan Pengurusan (INSTAR). Majlis turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah INSTAR, Lt Kol Harisson bin Harun TUDM, pegawai dan jurulatih INSTAR.

Seramai 119 orang pelatih daripada pelbagai Tred yang terdiri daripada pelbagai Ketukangan dalam TUDM. Walaubagaimanapun seramai 113 orang penuntut telah berjaya menamatkan kursus dengan jayanya. Pelatih terdiri daripada 109 pelatih lelaki dan 4 pelatih wanita. Kursus ini bertujuan untuk melahirkan seorang PTTK yang berilmu, berupaya menjalankan tugas dengan lebih cekap dan sempurna sesuai dengan tanggungjawab yang diamanahkannya. Selain itu, kursus ini juga menjadi pra syarat untuk dinaikkan pangkat ke pemangku Sarjan Udara. Kursus Penyelia Kanan Siri 227/19 bermula pada 14 Jan 19 dan tamat pada 14 Feb 19.



